

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan,  
Perpustakaan Sultan Abdul Razak  
Institut Teknologi MARA  
Shah Alam  
Selangor.

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

THESIS



# MASJID-MASJID TRADISIONAL MELAKA

pengaruh dan nilai senibinanya

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

THESIS

# **KAJIAN AKHIR**

**disediakan oleh :  
jalid bin hussin  
diploma senibina tahun akhir  
sessi 2 (1984/85 )  
kajian senibina, perancangan  
dan ukur  
itm, shah alam, selangor**

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

PENGESAHAN

Adalah disahkan bahawa Kajian Akhir ini telah dibaca dan disemak oleh :

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Institut Teknologi MARA  
Shah Alam  
Selangor.

Encik .....  
Selaku Penyelia Utama

Encik .....  
Selaku Penyelia Madya

Kami bersetuju dan berpuashati dengan skop dan nilai Kajian Akhir ini sebahagian dari syarat-syarat untuk penganugerahan Diploma Senibina.

.....  
Penyelia Utama

.....  
Tarikh

.....  
Penyelia Madya

.....  
Tarikh

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH DAN MAHA  
PENGASEHANI

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنَ آمَنَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى  
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَى  
أُولَئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

" SESUNGGUHNYA, ORANG YANG MENDIRIKAN MASJID ALLAH  
DAN MEMELIHARA KEINDAHANNYA IALAH ORANG YANG  
BERIMAN DENGAN ALLAH DAN DENGAN HARI AKHIRAT, IA  
MENUNAIKAN SEMBAHYANG DAN MENGELUARKAN ZAKAT, IA  
HANYA TAKUT KEPADA ALLAH. ORANG-ORANG YANG DEMIKIAN  
ITU MOGA-MOGA MENJADI ORANG-ORANG YANG MENDAPAT  
PETUNJUK ".

dari Al Quran,

Surah Al Taubah ayat 18

## A. PENDAHULUAN

Negeri Melaka merupakan sebuah negeri yang mempunyai banyak kesan-kesan sejarah yang menjadi warisan bagi rakyat negara kita ini. Salah satu daripadanya ialah masjid-masjid tradisionalnya yang mempunyai ciri-ciri senibina yang indah dan unik. Masjid-masjid ini ada yang berusia lebih daripada 100 tahun dan merupakan satu lambang senibina Islam di Nusantara.

Bila memperkatakan tentang masjid-masjid tradisional Melaka, akan terbayang di dalam ruang pemikiran kita bentuk bumbungnya yang curam dan bertingkat-tingkat tirus ke atas serta menaranya yang besar dan berunsur senibina Cina. Masjid-masjid ini mempunyai unsur senibina yang serupa dengan masjid-masjid tradisional yang terdapat di Kelantan, Perak dan juga di Indonesia.

Penulisan ini akan membentangkan satu kajian terhadap masjid-masjid tradisional Melaka dengan menekankan aspek-aspek senibinanya. Ini termasuklah unsur-unsur yang mempengaruhi perancangan, bentuk dan juga seniukirnya yang banyak terdapat di dalam masjid-masjid tersebut. Di samping itu penulisan ini juga akan menceritakan serba sedikit tentang konsep dan falsafah di sebalik bentuknya yang unik itu dan juga pengaruhnya terhadap rekabentuk masjid negeri Melaka yang baru, yang sedang dalam pembinaannya sekarang ini.

Apa yang diharapkan ialah penulisan ini akan mendatangkan faedah kepada semua orang termasuk pelajar-pelajar dan pihak-pihak tertentu. Dengan ini mereka akan dapat memahami dengan lebih jelas lagi tentang nilai-nilai senibina masjid-masjid tradisional Melaka dan menjadi garis panduan di dalam membuat rekabentuk masjid-masjid di masa akan datang.